

PANDUAN IBADAT SOLAT SUNAT GERHANA BULAN PENUH (KHUSUF)

TARIKH : 3/3/2026 BERSAMAAN 14 RAMADAN 1447 H (SELASA)

7:31 MALAM : BERBUKA PUASA (IPOH)

SOLAT MAGHRIB BERJEMAAH

SOLAT SUNAT BA'DIAH MAGHRIB

SOLAT SUNAT GERHANA BULAN BERJEMAAH (خسوف)

KHUTBAH GERHANA BULAN

8:40 MALAM : SOLAT ISYAK BERJEMAAH

SOLAT SUNAT BA'DIAH ISYAK

SOLAT TARAWIH/WITIR

BERSURAI

DIKELUARKAN OLEH :

BAHAGIAN FATWA

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

3 MAC 2026

RUJUKAN:

KITAB SABIL AL-MUHTADIN

TATACARA SEBELUM SOLAT SUNAT GERHANA BULAN PENUH

- Dalil pensyariatannya berdasarkan firman Allah SWT:

لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ

Maksudnya: Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan, dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya.

(Surah Fussilat: 37)

- Hukum solat sunat gerhana:
- Sunat muakkad. Setiap mereka yang disunatkan solat sunat hari raya, disunatkan baginya solat sunat gerhana dan makruh meninggalkannya.
- Perkara-perkara sunat berkaitannya:
- Sunat Gerhana: Disunatkan mandi bagi orang yang ingin melaksanakan solat sunat gerhana kerana ia Adalah solat yang disyariatkan perkumpulan dan khutbah. Maka mandi disunatkan sama seperti solat jumaat.
 - Sunat Berjemaah Dengan Seruan:
Sunat menunaikannya secara berjemaah dan menggantikan iqamat dengan seruan "الصلاة جامعة".
 - Tempat solat: Sunat menunaikannya di dalam masjid walaupun masjid itu sempit.

TATACARA SOLAT SUNAT GERHANA BULAN PENUH

Lafaz niat:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْخُسُوفِ رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya: “Sahaja aku solat sunat gerhana bulan dua rakaat kerana Allah Taala.”

Kaifiat:

Solat sunat gerhana boleh dilakukan sama ada secara berseorangan atau berjemaah dan sebaiknya dilakukan secara berjemaah. Kaifiat yang lebih sempurna adalah seperti berikut:

- Sunat dibaca nyaring pada gerhana bulan dan perlahan pada gerhana matahari.

Rakaat Pertama

1.	Takbiratul Ihram
2.	Membaca doa iftitah
3.	Membaca surah al-Fatihah
4.	Membaca surah al-Baqarah atau mana-mana surah
5.	Rukuk dan membaca tasbih kira-kira 100 ayat
6.	Iktidal serta membaca surah al-Fatihah
7.	Membaca surah ali-Imran atau mana-mana surah
8.	Rukuk dan membaca tasbih kira-kira 80 ayat
9.	Iktidal
10.	Sujud dan membaca tasbih kira-kira 100 ayat
11.	Duduk antara dua sujud
12.	Sujud kembali membaca tasbih kira-kira 80 ayat
13.	Berdiri ke rakaat kedua

Rakaat Kedua

1.	Membaca surah al-Fatihah
2.	Membaca surah al-Nisa' atau mana-mana surah
3.	Rukuk dan membaca tasbih kira-kira 70 ayat
4.	Iktidal serta membaca surah al-Fatihah
5.	Membaca surah al-Maidah atau mana-mana surah
6.	Rukuk dan membaca tasbih kira-kira 50 ayat
7.	Iktidal
8.	Sujud dan membaca tasbih kira-kira 70 ayat
9.	Duduk antara dua sujud
10.	Sujud kembali membaca tasbih kira-kira 50 ayat
11.	Membaca tasyahud akhir
12.	Memberi salam

- Sunat disampaikan dua khutbah selepas solat gerhana.

Solat sunat membaca dua khutbah seperti Jumaat pada semua rukun dan sunatnya, tidak pada semua syaratnya. Semua syarat khutbah menjadi sunat seperti syarat khutbah solat sunat hari raya.